

NO. SOALAN: 138

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA
KINABALU]**

TARIKH : 19 MEI 2016

RUJUKAN : 9016

SOALAN:

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengkaji semula cara pembayaran caj levi pekerja asing. Contohnya di Singapura, majikan diberi 4 kali pembayaran secara ansuran. Pihak majikan terpaksa menanggung kerugian kerana dikehendaki membayar semula caj levi untuk pekerja asing baru apabila pekerja asing dahulu lari atau hilang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini mengambil maklum dan berterima kasih atas cadangan YB Kota Kinabalu. Walau bagaimanapun, Kementerian berpendapat mekanisme caj pembayaran levi yang dilaksanakan ketika ini masih lagi bersesuaian untuk dikekalkan.

Pada masa ini, bayaran levi tahun pertama perlu dijelaskan oleh majikan sebelum membawa masuk pekerja asing ke dalam negara. Manakala bayaran levi seterusnya perlu dijelaskan semasa memperbaharui Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) pada setiap tahun. Melalui kaedah ini, Kerajaan dapat memastikan hanya majikan yang berkemampuan dari segi kewangan dan layak sahaja diberi kebenaran untuk menggajikan pekerja asing di samping dapat mengetahui keberadaan pekerja asing sepanjang tempoh bekerja di Malaysia.

Penggajian pekerja asing merupakan suatu keistimewaan yang diberikan oleh Kerajaan kepada majikan untuk mengisi keperluan guna tenaga. Justeru itu, majikan juga haruslah bertanggungjawap terhadap kebijakan pekerja seperti membayar gaji mengikut tempoh yang ditetapkan dan menyediakan persekitaran kerja yang kondusif bagi mengelakkan timbulnya masalah pekerja enggan berkerja dan melarikan diri.

SOALAN (139)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 19 MEI 2016
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN
[KENINGAU]**

SOALAN :-

**Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN
[KENINGAU] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sama ada
Kementerian mempunyai program menyediakan perumahan mampu milik
bagi golongan yang berpendapatan rendah dengan gaji pokok RM900
sebulan ke bawah.**

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan tempatan (KPKT) telah menyediakan pelbagai program / skim dan juga kemudahan kepada orang ramai khususnya golongan berpendapatan rendah dalam pemilikan rumah. Contohnya, **Program Perumahan Rakyat (PPR)** yang diperkenalkan bagi membantu golongan berpendapatan isi rumah di bawah RM2,500 sebulan untuk memiliki rumah. Program ini menawarkan rumah yang berharga RM35,000 seunit di Semenanjung dan RM42,000 seunit di Sabah / Sarawak. Selain dari kemudahan pembelian rumah, program ini juga menyediakan kemudahan sewaan rumah PPR yang hanya dikenakan kadar sewaan sebanyak RM124 sebulan.

KPKT turut menyediakan **Skim Pinjaman Perumahan (SPP)** yang mana melalui program ini pemohon yang berkelayakan akan dibantu dengan pemberian pinjaman perumahan maksima RM45,000 bagi pembinaan rumah di atas tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga terdekat. Skim ini mensasarkan golongan berpendapatan isi rumah di antara RM700 hingga RM2,500 sebulan.

Seterusnya, bagi membantu menyediakan tempat tinggal sementara kepada golongan belia yang baharu berkahwin pula, KPkt telah menyediakan program **Rumah Transit 1 Malaysia (RT1M)**. Melalui program ini, rumah disewakan dengan kadar RM250 sebulan selama 2 tahun kepada pasangan muda berpendapatan isi rumah di bawah RM3,000 sebulan.

Di samping program / skim yang telah disebutkan tadi, terdapat juga agensi-agensi lain yang turut menyediakan kemudahan pemilikan rumah kepada golongan berpendapatan rendah seperti **Rumah Mesra Rakyat (RMR)** di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016